



UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM (MBJB) 2003

*Public Lavatories (Johor Bahru City Council) By-Laws
2003*



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 26

18hb Disember 2003

TAMBAHAN No. 19
PERUNDANGAN

J. P.U. 68.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM (MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 73 (1) (j),
seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*],
Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat, dan menurut seksyen 103
Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang
kecil berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuatkuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang
Kecil Tandas Awam (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2003** dan
hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada
tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya
menghendaki makna yang lain —

“Datuk Bandar” ertiannya Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor
Bahru;

“tandas awam” ertiannya apa-apa bangunan, bilik atau ruang yang
tersekat-sekat yang mana orang-orang awam boleh pergi untuk
membuang air besar, air kecil atau untuk mencuci dirinya.

Larangan

3. Mana-mana orang yang berada dalam mana-mana tandas awam—
 - (a) membuang sampah, meludah, membuang air kecil atau air besar di atas lantai melainkan di dalam bekas yang dibekalkan bagi maksud masing-masing;
 - (b) membiarkan paip terbuka selepas menggunakannya sama ada bekalan air sedang mengalir atau sebaliknya;
 - (c) merosakkan atau memindahkan apa-apa barang di dalam tandas;
 - (d) mengotorkan, melukis, menconteng atau mengecat apa-apa di atas dinding atau siling;
 - (e) berperangai tidak senonoh atau tidak sopan; dan
 - (f) meninggalkan mangkuk tandas dengan tidak memancurkan air selepas menggunakannya.

adalah melakukan suatu kesalahan.

Syarat-syarat penggunaan tandas awam

4. (1) Tiada seorangpun yang boleh membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian itu untuk dikeringkan dalam tandas awam.
- (2) Tiada seorangpun yang boleh menyalaikan api atau memasak makanan dalam tandas awam dan tiada seorangpun boleh makan atau tidur di dalamnya.
- (3) Tiada seorangpun yang boleh mencuci makanan, perkakas, pinggan mangkuk atau apa-apa bekas dalam tandas awam.
- (4) Tiada seorangpun boleh menggunakan mana-mana tandas awam sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang.
- (5) Tiada suatu perniagaan atau dagangan boleh diuruskan dalam mana-mana tandas awam.
- (6) Tiada seorangpun dibenarkan mandi di dalam mana-mana tandas awam kecuali kemudahan mandi disediakan.

Kuasa untuk mengarahkan orang keluar

5. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini boleh diarah keluar dari tandas awam oleh Datuk Bandar atau mana-mana orang yang diberikan kuasa olehnya.

Kewajipan penerima pajak

6. (1) Sekiranya mana-mana tandas awam dipajak, penerima pajak atau orang yang menjaga tandas awam itu hendaklah membersihkan dan menerangi tandas itu sehingga memuaskan hati Datuk Bandar.
- (2) Penerima pajak atau orang yang menjaga mana-mana tandas awam hendaklah menyebabkan supaya sesalinan Undang-undang Kecil ini yang ditulis dengan nyata dalam bahasa kebangsaan dipamerkan secara berterusan di tempat yang ketara dalam tandas awam itu.

Tandas berasingan untuk berlainan jantina

7. (1) Maka hendaklah diperuntukkan tandas awam yang berasingan untuk jantina yang berlainan dan hendaklah ditandakan dengan tanda-tanda yang bersesuaian.
- (2) Tiada seorangpun boleh memasuki atau menggunakan tandas bagi jantina yang berlainan.

Caj

8. (1) Jika difikirkan perlu, Datuk Bandar boleh mengenakan caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam, menerusi pemberitahuan dalam *Warta*.
- (2) Mana-mana orang yang gagal membayar caj yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan.

Penalti

9. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Dibuat pada 9hb Julai 2003.

[K.T. 24/69/19; PUNJ. Bil. (PU 2) 7 (42).]
[MBJB/UU/UUK/1/2003.]

DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN,
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

Disahkan pada 13hb Ogos 2003.

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**PUBLIC LAVATORIES
(JOHOR BAHRU CITY COUNCIL) BY-LAWS 2003**

In exercise of the powers conferred by subsection 73 (1) (j), sections 102 and 102A of the Local Government Act 1976 (*Act 171*), the Johor Bahru City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-laws may be cited as the **Public Lavatories (Johor Bahru City Council) By-laws 2003** and shall apply only to the Johor Bahru City Council.

(2) These By-laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires —

"Mayor" means the Mayor of the Johor Bahru City Council;

"public lavatories" means any building, room or compartment where the public may go to defecate, urinate or clean himself.

Prohibition

3. Any person who in any public lavatory—

- (a) throws any rubbish, spits, urinates or defecates on the floor except in proper receptacle provided for the respective purpose;
- (b) leaves the tap on after use whether or not there is a running water supply;
- (c) damages or removes any article in the lavatory;
- (d) dirties, draws, scribbles or paints anything on the wall and ceiling;
- (e) behaves in a disorderly or indecent manner; and
- (f) leaves the bowl without flushing after use,

shall be guilty of an offence.

Conditions of use of public lavatory

4. (1) No person shall wash any article of clothing or leave them to dry in a public lavatory.
- (2) No fire shall be lit or food cooked within the public lavatory nor shall any person eat or sleep therein.
- (3) No person shall wash food, utensil, crockery or any container in a public lavatory.
- (4) No person shall use any public lavatory as a place for storing goods.
- (5) No business or trade shall be carried out in any public lavatory.
- (6) No person shall bath in any public lavatory except where bathing facility provided therein.

Power to order person out

5. Any person committing any act in contravention of any of the provisions of these By-laws may be ordered out of the public lavatory by the Mayor or any person authorised by him.

Duties of lessee

6. (1) In the event of any public lavatory being leased, the lessee or the person in charge of the public lavatory shall keep the same cleansed and lighted to the satisfaction of the Mayor.
- (2) The lessee or person in charge of any public lavatory shall cause a copy of these By-laws distinctly written in the national language to be continuously exhibited in a conspicuous place within the public lavatory.

Separate lavatory for different sex

7. (1) There shall be provided a separate public lavatory which shall be indicated by appropriate sign for a different sex.
- (2) No person shall enter or use the lavatory of a different sex.

Charge

8. (1) The Mayor may, if he considers it necessary, by notification in the *Gazette* impose a charge for the use of any public lavatory.
- (2) Any person who fails to pay the prescribed charge shall be guilty of an offence.

Penalty

9. Any person who contravenes any provision of these By-laws shall be guilty of an offence and is liable on conviction to a fine not exceeding one thousand ringgit.

Made 9th day of July 2003.

[K.T. 24/69/19; PUNJ. Bil. (PU 2) 7 (42).]
[MBJB/UU/UUK/I/2003.]

DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN,
Mayor,
Johor Bahru City Council

Confirmed 13th day of August 2003.

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD.
Clerk of the State Executive Council,
Johor

J. P.U. 69.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM.
(LEMBAGA BANDARAN JOHOR TENGGARA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 73 (1) (j), seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Lembaga Bandaran Johor Tenggara membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuatkuasa

I. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Tandas Awam (Lembaga Bandaran Johor Tenggara) 2003** dan hendaklah dipakai hanya bagi Lembaga Bandaran Johor Tenggara.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"Yang Dipertua" ertiannya Yang Dipertua Lembaga Bandaran Johor Tenggara termasuk Timbalan Yang Dipertua;

"tandas awam" ertiannya apa-apa bangunan, bilik atau ruang yang tersekat-sekat yang mana orang-orang awam boleh pergi untuk membuang air besar, air kecil atau untuk mencuci dirinya.